

Tindakan raja pukul seseorang bukan perbuatan atasi (p) undangz

— Dr. M.
M. - 8 DEC 1992

KUALA LUMPUR 7 Dis. —
Tindakan raja memukul seseorang bukanlah satu perbuatan yang mengatasi undang-undang, kata Pudana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau menegaskan, kedudukan seseorang raja yang dikatakan mengatasi undang-undang mempunyai banyak interpretasi tetapi bukanlah sampai boleh memukul orang atau boleh membunuh orang.

“Apa yang dimaksudkan dengan ‘mengatasi undang-undang’ adalah setakat perkara-perkara biasa seperti hutang umpamanya,” kata Perdana Menteri kepada para pemberita selepas merasmikan Persidangan Ke-14 Persekutuan Antarabangsa Pertubuhan Bukan Kerajaan (IFNGO) Mengenai Pencegahan Dadah di Hotel Crown Princess di sini.

Insiden

Dr. Mahathir berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai definisi kedudukan raja-raja yang mengatasi undang-undang dan kaitannya dengan insiden terbaru melibatkan jurulatih Pasukan Hoki Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB) Johor Baharu, Douglas Gomez dikatakan dipukul ketika dipanggil ke Istana Bukit Serene awal minggu lalu.

Ditanya mengenai laporan yang menyatakan Gomez dipukul semasa dipanggil ke Istana Bukit Serene baru-baru ini, Dr. Mahathir berkata, tindakan memukul orang tidak termasuk dalam perkara-perkara biasa.

Menurutnya, kerajaan akan meneliti perkara itu bagi menentukan sama ada tindakan boleh diambil.

Kepada satu soalan lain, Perdana Menteri menjelaskan, terpulanglah kepada polis untuk bertindak berdasarkan aduan yang telah dibuat oleh Gomez kerana mereka tahu tanggungjawab masing-masing.